




UJIAN : MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

Nota (11)

yang perlu dikuasai untuk memahami
Al-Quran dengan betul dan selamat

Usl Jafsr Al-Qur'an

Singkasan



Cara-Cara Berinteraksi Dengan Beberapa Sebab Turun Ayat

Para 'ulama' Tafsir seringkali menyebutkan beberapa sebab bagi turunnya sesuatu ayat. Dalam keadaan ini para pembaca akan mengalami sedikit kesukaran dan kesulitan untuk menentukan mana satu daripadanya sebagai sebab sebenar. Keadaan ini tidak sepatutnya dianggap sebagai suatu pertentangan yang menimbulkan kemusykilan. Apa yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar Tafsir ialah mengetahui bentuk-bentuknya dan kemudian mengetahui pula cara-cara berinteraksi dengannya.

Di bawah ini dikemukakan beberapa bentuk sebab turun sesuatu ayat:

Bentuk Pertama: Apabila seseorang perawi berkata, نزلت في كذا (ayat ini turun berkenaan dengan sekian), dan perawi lain juga menggunakan ungkapan yang sama (نزلت في كذا), cuma masing-masing daripada mereka menyebutkan perkara yang berbeza. Dalam keadaan ini, tidak ada pertentangan sebenarnya, kerana ia adalah suatu istilah yang digunakan oleh Salaf untuk menyatakan apa yang tersebut di dalam riwayatnya tepat juga dengan ayat berkenaan. Maksud ayat berkenaan begitu luas sehingga ia boleh merangkumi kedua-dua perkara atau mungkin lebih lagi daripada dua perkara yang tersebut di dalam riwayat-riwayat. Ungkapan itu tidak semestinya bererti apa yang tersebut di dalam riwayat yang dikemukakan oleh seseorang adalah sebab sebenar bagi turunnya ayat. Firman Allah di dalam Surah al-A'raaf ini adalah sebaik-baik contohnya:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Bermaksud: Dan apabila dibacakan Al-Quran, maka dengarkanlah baik-baik, dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat. (al-A'raaf:204).

Di dalam Tafsir at-Thabari tersebut beberapa riwayat daripada sahabat dan Tabi'in yang mengatakan ayat ini turun berkenaan dengan shalat, di mana para ma'mum diperintahkan agar diam dan mendengar betul-betul apa yang dibaca oleh imam. Sementara di dalam beberapa riwayat yang lain pula, juga daripada sahabat dan Tabi'in, tersebut ia berkenaan dengan khutbah Juma'at dan khutbah dua hari raya. Ketika mendengar khatib berkhutbah - yang tentunya ada mengandungi ayat-ayat al-Qur'an - orang ramai diperintahkan agar diam dan mendengarnya dengan tenang. Tidak dinafikan ada sebahagian daripada riwayat yang dikemukakan oleh at-Thabari itu dha'if sanadnya, tetapi bukan semuanya

dha'if. Orang-orang yang tidak mengerti istilah yang diguna oleh Salaf baik dari kalangan sahabat atau Tabi'in, tentu sekali kebingungan apabila berhadapan dengan situasi seperti ini, mana satu daripadanya yang harus diterima sebagai sebab nuzul sebenar bagi ayat itu? Kalau kesemuanya benar, maka apakah jalan yang harus ditempuh untuk mengaplikasikannya??

Orang-orang yang mengetahui istilah Salaf berhubung dengan perkara ini pula akan menghadapinya dengan tenang saja, kerana ia sedar bahawa semua yang tersebut di dalam riwayat-riwayat itu merupakan "Mashadaqaat" atau perkara-perkara yang boleh termasuk di bawah mahfum ayat 204 Surah al-A'raf itu, dengan erti ia juga bertepatan dengan kehendaknya. Meskipun ia bukan merupakan sebab asal bagi turunnya ayat tersebut. Mafhumnya bahkan boleh juga merangkumi orang-orang tidak sedang bersembahyang atau mendengar khutbah Juma'at dan khutbah dua hari raya. Orang-orang yang tidak berada dalam keadaan itu juga tentunya boleh mendapat rahmat jika diam dan mendengar dengan baik apabila al-Qur'an dibacakan.

Adapun sebab sebenar bagi turunnya ayat 204 Surah al-A'raf itu, maka dengan mudah saja dapat dikesan apabila anda merenungi siyaq dan sibaqnya. Ayat 203 sebelumnya itulah sebenarnya sebab turun bagi ayat 204. Anda dapat mengesannya tanpa keluar daripada al-Qur'an dan tanpa memerlukan riwayat-riwayat berupa hadits atau atsar. Apa yang tersebut di dalam hadits dan atsar, maka itu tidak lebih daripada penjelasan tambahan tentang perkara-perkara yang boleh juga termasuk di bawah mafhum ayat berkenaan. Perhatikan ayat 203 yang merupakan sebab sebenar bagi turunnya ayat 204 selepasnya. Allah berfirman:

وَإِذَا لَمْ تَأْتِيهِمْ بِآيَةٍ قَالُوا لَوْلَا آجَبْتَنِيَّهَا قُلْ إِنَّمَا أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ مِنْ رَبِّي هَذَا بَصَآئِرُ مِنْ رَبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ



Bermaksud: Dan apabila kamu tidak membawa suatu mu'jizat kepada mereka, mereka berkata: "Mengapa tidak kamu memilih mu'jizat itu?" Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan dari Tuhanku kepadaku. Al-Quran ini adalah bukti-bukti yang nyata dari Tuhanmu, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman." (al-A'raaf:203).

Ayat 203 ini menyatakan soalan orang-orang kafir Mekah yang penuh dengan ejekan dan kedegilan. Mereka memerli Nabi s.a.w. dengan berkata, “Bukankah engkau menda’wa dirimu sebagai seorang nabi dan utusan Allah? Kalau engkau benar-benar nabi dan utusan Allah, tentu engkau dapat mengemukakan mu’jizat yang kami minta supaya ditunjukkan. Tentu engkau dapat memilih mana-mana satu daripadanya! Tetapi jelas engkau tidak dapat mengemukakan setiap mu’jizat yang kami minta. Sebagai membalas soalan mereka yang penuh dengan ejekan dan cemuhan itu Allah menyuruh NabiNya Muhammad s.a.w. berkata, al-Qur’an itulah mu’jizat yang terbesar bagimu. Ia mengemukakan bukti-bukti yang nyata dari Tuhanmu, ia juga merupakan petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Jika kamu hendak mendapat manfa’at daripada bukti-bukti yang terkandung di dalamnya dan hendak mendapat petunjuk dan rahmat daripadanya, maka kamu hendaklah dengar baik-baik dan diam apabila ia dibacakan di hadapanmu, jangan pula kamu tidak mahu mendengar, sebaliknya membuat bising.

Apa yang terkandung di dalam ayat ke-203 itulah sebab sebenar bagi ayat ke-204 Surah al-A’raaf.

Bentuk Kedua: Apabila seseorang perawi dari kalangan sahabat atau Tabi’in menyebutkan sesuatu perkara sebagai sebab yang jelas bagi turunnya sesuatu ayat, sedangkan ada pula perawi yang menyebutkan perkara lain sebagai sebabnya dengan ungkapan *انزلت الآية في كذا* (ayat ini turun berkenaan dengan sekian-sekian) atau *نزلت الآية في كذا* (ayat ini diturunkan berkenaan dengan sekian-sekian), maka yang harus dipegang dan diambil kira sebagai sebab sebenarnya ialah riwayat perawi yang pertama. Riwayat kedua haruslah diterima sebagai kesimpulan yang dibuat perawi daripada ayat berkenaan sahaja atau ia hanya merupakan apa yang difahami perawi sebagai perkara yang juga termasuk di bawah ayat berkenaan sahaja.

Contohnya ialah riwayat Ibnu ‘Umar, kata beliau, “Firman Allah (*نسائكم حرث لكم*) diturunkan berkenaan dengan menyetubuhi isteri-isteri pada dubur-dubur mereka. (Atsar riwayat Bukhari). Sedangkan riwayat Jaabir menyebutkan dengan terang bahawa orang-orang Yahudi berkata, “Anak hasil persetubuhan pada qubul isteri melalui duburnya akan menjadi juling.” Maka Allah menurunkan firmanNya: (*نسائكم حرث لكم*) (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmidzi, Abu Daud, Daarimi dan lain-lain).

Yang harus diterima sebagai sebab sebenar bagi ayat itu ialah apa yang terkandung di dalam riwayat Jabir. Apa yang tersebut di dalam atsar Ibnu `Umar itu pula haruslah diterima sebagai kesimpulan yang difahaminya daripada ayat berkenaan sahaja.

Bentuk Ketiga: Beberapa orang perawi menyebutkan sebab nuzul bagi sesuatu ayat atau ayat-ayat tertentu, tetapi masing-masing mereka menyebutkan sebab yang berbeza. Isnad salah satu daripadanya sahih, sedang yang lain tidak sahih, maka yang harus diterima ialah riwayat yang sahih. Contohnya ialah satu riwayat yang dinukilkan daripada Jundab bin Sufyan, kata beliau: “Nabi s.a.w. jatuh sakit. Beliau s.a.w. tidak dapat bangun (beribadat) selama satu atau dua malam. Tiba-tiba datang seorang wanita, lantas dia berkata, “Wahai Muhammad! Aku rasa Syaitanmu memang telah meninggalkanmu. Maka Allah s.w.t. menurunkan firmanNya:

وَالضُّحَى ۝ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى ۝ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى ۝

Bermaksud: Demi waktu matahari sepenggalahan naik (1) dan demi malam apabila telah sunyi (gelap) (2) Tuhanmu tiada meninggalkanmu dan tiada (pula) benci kepadamu (3) (ad-Dhuha:1-3). (Atsar riwayat Bukhari, Muslim dan Ahmad).

Di sana terdapat satu lagi riwayat yang menyebut tentang sebab nuzul ayat-ayat itu. At-Thabaraani, Abu Nu`aim dan Ibnu Abi `Aashim menukilkan satu riwayat daripada Hafsh bin Sa`id al-Qurasyi, katanya: ibuku menceritakan kepadaku daripada ibunya, ibunya pernah berkhidmat kepada Nabi s.a.w., katanya: “Seekor anak anjing masuk ke dalam rumah Nabi s.a.w. Ia kemudiannya mati di bawah katil. Selama empat hari Nabi s.a.w. berada dalam keadaan tidak menerima apa-apa wahyu. Maka Beliau s.a.w. bersabda, “Wahai Khaulah! Apakah yang berlaku di dalam rumah Rasulullah (s.a.w.)? Jibril tidak datang kepadaku.” Jawabnya, “Wahai Rasulullah, tidak ada hari sebaik hari ini.” Lalu beliau s.a.w. memakai selimut dan keluar dari rumah. Aku terus terfikir untuk menyapu dan membersihkan rumah. Apabila aku menghulurkan penyapu ke bawah katil, tiba-tiba aku berasa semacam ada sesuatu benda berat. Aku pun mengheretnya keluar, rupa-rupanya ia seekor anak anjing yang mati di bawah katil. Aku membuangnya di belakang rumah. Apabila Nabi s.a.w. datang, terus janggut beliau menggeletar. Beliau s.a.w. biasanya akan menggeletar bila mendapat wahyu. Pada ketika itu Allah menurunkan firmanNya:

وَالضُّحَى ۝ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى ۝ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى ۝

(Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Kabir j.24 m/s 249, Abu Nu`aim di dalam Ma`rifatu as-Sahabah j.23 m/s 97, Ibnu Abi `Aashim – al-Aahaad Wa al-Matsaani j.6 m/s 211).

Di dalam sanad hadits ini terdapat perawi majhul iaitu ibu Hafsh bin Sa`id al-Qurasyi. Kata al-Haitsami, “Di dalam sanadnya ada orang yang aku tak kenal.” Selain itu ia juga bercanggah dengan hadits sahih. Kata Hafiz Ibnu Hajar, “Ia terdapat di dalam at-Thabaraani dengan isnad daripada perawi yang tidak dikenali (majhul), bahawa sebab nuzulnya ialah adanya anak anjing di bawah katil beliau tanpa disedari beliau. Kerana itulah Jibril tidak datang selama beberapa hari. Kisah lambat datangnya Jibril kepada Nabi s.a.w. kerana adanya anak anjing (yang mati) di bawah katil Nabi s.a.w. adalah suatu kisah yang masyhur, tetapi ia yang menjadi sebab kepada turunnya ayat-ayat itu (3 ayat di permulaan Surah ad-Dhuha) adalah ganjil (غريب), bahkan ia syadz dan tertolak dengan hadits sahih (yang tersebut tadi). (Lihat Fathul Baari j.8 m/s 710).

Bentuk Keempat: Dalam keadaan kedua-dua hadits yang menyatakan sebab turun sesuatu ayat sama-sama sahih, perlulah dicari sebab yang mentarjihkan salah satu daripada dua sebab tersebut dari luar, seperti (a) Mempastikan salah satu daripada dua riwayat itu lebih sahih daripada yang satu lagi. (b) Perawi salah satu daripada dua riwayat berkenaan terlibat secara langsung dalam peristiwa yang dikatakan sebagai sebab turun ayat. (c) Atau lain-lain sebab dan alasan yang boleh mentarjihkan salah satu daripada dua riwayat. Contohnya ialah hadits yang dikemukakan oleh Ibnu Mas`ud, kata beliau: “Pernah aku berjalan bersama Nabi s.a.w. di Madinah. Baginda bertongkat dengan pelepah kurma (yang tidak berdaun). Ketika kami lalu di hadapan sekumpulan orang-orang Yahudi, sebahagian mereka berkata kepada sebahagian yang lain, “Bagus juga kalau kamu bertanya dia (tentang sesuatu perkara yang agak sulit dan mencabarnya).” Lalu mereka bertanya (Nabi s.a.w.), “Ceritakanlah kepada kami tentang roh.” Nabi s.a.w. berdiri sejenak sambil mendongakkan kepalanya. Maka fahamlah aku bahawa Baginda sedang mendapat wahyu. Setelah selesai menerima wahyu Baginda membacakan:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝

Bermaksud: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: “Roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.” (al-Israa’:85). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Ahmad).

Di sana terdapat satu lagi riwayat berhubung dengan ayat yang sama. Ia dinukilkan daripada Ibnu ‘Abbaas, kata beliau: “Orang-orang Quraisy berkata kepada orang-orang Yahudi, “Berilah kepada kami sesuatu yang dapat kami tanya orang ini (Nabi Muhammad s.a.w.).” Kata orang-orang Yahudi, “Tanyalah dia tentang roh.” Orang-orang Quraisy pun bertanyalah Nabi s.a.w. tentangnya. Lalu Allah menurunkan firmanNya:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Bermaksud: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: “Roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.” (al-Israa’:85). (Hadits riwayat Tirmidzi dan Ahmad).

Hadits Ibnu ‘Abbaas ini berbeza daripada hadits Ibnu Mas‘ud tadi. Riwayat Ibnu Mas‘ud dianggap lebih rajih (kuat) kerana dua alasan. (i) Ia lebih sahih daripada riwayat Ibnu ‘Abbaas, kerana ia terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. (ii) Ibnu Mas‘ud yang meriwayatkan hadits itu terlibat secara langsung dalam peristiwa yang diriwayatkannya.

Bentuk Kelima: Bentuk kelima ialah kedua-dua hadits sama daripada segi kesahihan, dan tiada pula apa-apa sebab yang mentarjihkan salah satu daripadanya. Tetapi kedua-duanya boleh dijama’ dengan dikatakan tiap-tiap satu riwayat merupakan sebab bagi turunnya ayat tertentu secara berasingan. Ini kerana sebab bagi turunnya ayat boleh jadi berbilang (tidak satu saja). Kata Imam Ibnu Taimiyyah, “Apabila seseorang daripada mereka (sahabat atau Tabi‘in) menyebutkan sesuatu perkara sebagai sebab turun ayat dan orang lain pula menyebutkan sebab yang lain bagi ayat yang sama, maka kedua-duanya boleh jadi benar sebagai sebab turunnya, mengambil kira ayat berkenaan turun selepas berlakunya beberapa sebab yang disebutkan (di dalam riwayat-riwayat yang berbeza-beza itu). (Lihat Ibnu Taimiyyah – al-Fatawa al-Kubra j.13 m/s 340).

Antara contoh yang dapat dikemukakan untuk bentuk kelima ini ialah hadits yang diriwayatkan oleh Bukhari, Ibnu Majah dan lain-lain daripada Ibnu ‘Abbaas bahawa Hilal bin Umaiyyah telah menuduh isterinya bermukah (berzina) dengan Syarik bin Sahmaa’ di

hadapan Nabi s.a.w. Maka Nabi s.a.w. bersabda, “Sama ada engkau kemukakan bukti atau belakangmu dipukul kerana menjalani hukuman had”. Kata Hilal, “Wahai Rasulullah! Apabila seseorang daripada kami melihat seorang lelaki bersama isterinya, apakah dia harus pergi mencari bukti?” Maka Allah s.w.t. menurunkan firmanNya kepada Nabi s.a.w.” {وَالَّذِينَ يَزُمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ} Hingga kepada firmanNya: {وَالْخَامِسَةُ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ} (an-Nur:6-9). (Hadits riwayat Bukhari, Abu Daud, Tirmidzi, Ibnu Majah, Ahmad, ad-Daaraquthni, al-Haakim dan lain-lain).

Di dalam riwayat Sahl bin Sa`ad terdapat satu riwayat lain tentang sebab turun ayat 6-9 Surah an-Nur itu. Katanya, “`Uwaimir datang kepada `Aashim bin `Adi, katanya, tolong tanya Rasulullah s.a.w., “Apa katamu tentang seorang laki-laki yang mendapati bersama isterinya ada laki-laki lain, apakah patut ia membunuhnya, nanti kamu membunuhnya pula, atau apa harus dia lakukan?” Maka `Aashim bertanya Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. pula mencelanya yang bertanya. `Aashim memberitahu `Uwaimir tentang apa yang berlaku. Lantas `Uwaimir berkata, “Aku akan terus bertanya Rasulullah s.a.w.” Lalu dia pergi menemui Baginda dan bertanya lagi. Pada ketika itu Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya al-Qur`an telah diturunkan tentangmu dan tentang isterimu.” Bacalah hadits seterusnya. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa`i, Tirmidzi, Ibnu Majah, Daarimi dan Malik).

Kedua-dua hadits yang dikemukakan tadi sama taraf kesahihannya dan tidak ada apa-apa yang mentarjihkan (melebihkan) satu daripada yang lain. Kerananya kedua-dua hadits itu harus dipakai sebagai sebab-sebab bagi turunnya ayat 6-9 daripada Surah an-Nur. Demikianlah kata an-Nawawi, Khatib al-Baghdadi, Hafiz Ibnu Hajar al-`Asqalaani dan lain-lain `ulama`. Di dalam Syarah Sahih Muslim an-Nawawi berkata, “Boleh jadi ayat-ayat berkenaan turun tentang kedua-dua mereka. Boleh jadi juga mereka berdua bertanya Nabi dalam masa yang hampir, lalu ayat-ayat berkenaan turun berhubung dengan mereka kedua-dua sekali. (Lihat Syarah Muslim j.1 m/s 488).

Hafiz Ibnu Hajar berkata, “Para imam berbeda pendapat tentang perkara ini. Ada yang mentarjihkan ayat-ayat tersebut turun berkenaan dengan `Uwaimir. Ada yang mentarjihkan ia turun berkenaan dengan Hilal. Dan ada pula yang menjama`kan peristiwa

kedua-dua mereka, dengan mengatakan peristiwa Hilal berlaku terlebih dahulu, kemudian baru peristiwa `Uwaimir lalu ayat-ayat tersebut turun berkenaan dengan kedua-dua mereka - hingga beliau berkata – tidak ada halangan untuk adanya beberapa sebab bagi turun ayat-ayat tertentu. (Lihat Fathul Baari j.8 m/s 450).

Bentuk Keenam: Bentuk keenam ialah keadaan di mana beberapa peristiwa tidak mungkin dijama' sebagai sebab nuzul bagi ayat tertentu. Ini kerana jauhnya zaman masing-masing daripada peristiwa-peristiwa itu berlaku. Riwayat-riwayat yang mengemukakannya pula lebih kurang sama taraf kesahihannya. Dalam keadaan ini ayat yang dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa tertentu sebagai sebabnya hendaklah dianggap telah diturun beberapa kali.

Antara contohnya ialah hadits yang diriwayatkan oleh al-Musaiyyab, kata beliau: “Ketika Abu Thalib hampir meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. masuk menemuinya. Pada ketika itu Abu Jahal dan `Abdullah bin Abi Umaiyah ada dekat Abu Thalib. Nabi s.a.w. berkata, “Wahai Pak Cik, ucapilah لا إله إلا الله supaya dapat aku memmbelamu dengannya di hadapan Allah. Maka Abu Jahal dan abbdullah berkata, “Wahai Aba Thalib, apakah engkau tidak suka kepada agama `Abdil Mutthalib? Mereka berdua terus bercakap-cakap dengan Abu Thalib sehinggalah dia berkata, “Aku berada di atas agama `Abdil Mutthalib. Pada waktu itu Nabi s.a.w. berkata, “Aku pasti akan beristighfar untukmu selagi aku tidak ditegah. Maka turunlah ayat:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَىٰ قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهَا صَحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾

Bermaksud: Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli Neraka. (at-Taubah:113). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Nasaa'i, Ahmad, Haakim dan lain-lain).

Di dalam riwayat-riwayat lain pula tersebut dua lagi sebab bagi turunnya ayat 113 Surah at-Taubah tadi.

(i) Hadits yang dikemukakan oleh at-Tirmidzi dan lain-lain daripada `Ali. At-Tirmidzi menghasankannya. Kata `Ali, “Pernah aku mendengar seseorang beristighfar untuk kedua ibu bapanya yang musyrik. Terus aku bertanya, “Engkau beristighfar untuk kedua ibu

bapamu yang musyrik?” Orang itu berkata, “Ibrahim juga telah beristighfar untuk bapanya yang musyrik.” Maka aku sebutkan hal itu kepada Rasulullah s.a.w. Lalu turunlah ayat itu (ayat 113 Surah at-Taubah). (Hadits riwayat at-Tirmidzi, an-Nasaa’i, Ahmad, Haakim dan lain-lain).

(ii) Hadits yang dikemukakan oleh Haakim dan lain-lain daripada Ibnu Mas’ud. Kata beliau, “Pernah pada suatu hari Nabi s.a.w. pergi ke perkuburan. Lalu Baginda duduk dekat salah satu kubur di perkuburan itu. Lamalah Baginda mengadu hal kepadaNya, kemudian menangis. Selepas itu Rasulullah s.a.w. bercerita, “Sesungguhnya kubur yang aku duduk dekat dengannya tadi adalah kubur ibuku. Sesungguhnya aku meminta izin kepada Tuhanku untuk mendoakannya, tetapi Tuhan tidak mengizinkan daku. Lalu Allah menurunkan kepadaku:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَىٰ قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْحَجِيمِ ﴿١١٣﴾

Bermaksud: Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli Neraka. (at-Taubah:113). (Hadits riwayat al-Haakim dan `Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya).

Berhubung dengan ayat 113 Surah at-taubah ini, mungkin ia diturunkan beberapa kali berikutan berlakunya beberapa peristiwa yang disebutkan tadi. Mungkin juga ayat berkenaan turun lama selepas berlaku sebab-sebabnya yang berlainan itu. Kemungkinan pertama dipegang oleh as-Suyuthi, sementara kemungkinan kedua pula dipegang oleh Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari. Hafiz berkata, “Menurut qaedah asalnya ialah sesuatu ayat itu tidak turun beberapa kali.”

Sebab Turun Ayat Hanya Satu, Tetapi Ayat Yang Turun Kerananya Pula Ada Beberapa

Sebab turun ayat kadang-kadang ada satu sahaja, sedangkan ayat-ayat yang turun kerananya pula ada beberapa. Keadaan seperti ini juga ada berlaku. Ia merupakan kebalikan bab sebelum ini. Tujuannya boleh jadi untuk memuaskan hati manusia, boleh jadi juga kerana diperlukan untuk tujuan membimbing mereka, dan boleh jadi juga untuk menyatakan kebenaran dengan lebih jelas lagi pada ketika-ketika diperlukan.

Antara contoh bagi bab ini ialah hadits yang diriwayatkan oleh Ahmad, at-Tabaraani dan lain-lain daripada Ibnu `Abbaas, kata beliau: “Pernah Rasulullah s.a.w. duduk di bawah naungan rumahnya, tiba-tiba Baginda bersabda, “Nanti akan datang kepadamu orang yang akan melihatmu dengan dua mata syaitan. Bila ia datang, jangan kamu bercakap dengannya. Tidak lama kemudian datanglah seorang lelaki yang biru warna dua matanya. Rasulullah s.a.w. terus memanggilnya dan bertanya, “Kenapa engkau dan kawan-kawanmu mencerca aku?” Orang itu pergi lalu membawa datang kawan-kawannya. Mereka lantas bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu, sehingga akhirnya Nabi s.a.w. mema’afkan mereka. Maka Allah menurunkan firmanNya:

يَخْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةَ الْكُفْرِ وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ وَهُمْ بِمَا لَمْ يَنْتَالُوا وَمَا تَقَمُّوا إِلَّا أَنْ أَغْنَاهُمْ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ فَضْلِهِ فَإِنْ يَتُوبُوا بِكَ خَيْرًا لَهُمْ وَإِنْ يَتَوَلَّوْا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

Bermaksud: Mereka bersumpah dengan nama Allah, bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padahal sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur dan mereka pula menjadi kafir sesudah melahirkan Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya (iaitu membunuhmu) dan tidaklah mereka mencaci dan mencela (Islam) melainkan setelah Allah dan RasulNya memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurniaNya. Oleh itu, jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan dan jika mereka berpaling (ingkar), Allah akan menyiksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun di bumi ini, yang akan menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong. (at-Taubah:74). (Hadits riwayat at-Tabaraani, Ahmad dan al-Maqdisi di dalam al-Ahaaditsul Mukhtarah).

Ahmad, at-Tabaraani dan al-Haakim juga mengemukakan hadits di atas, tetapi ayat al-Qur’an yang disebut mereka sebagai diturunkan kerananya bukanlah ayat 74 Surah at-Taubah, sebaliknya dua ayat berikut:

يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا فَيَحْلِفُونَ لَهُ كَمَا يَحْلِفُونَ لَكُمْ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ عَلَىٰ شَيْءٍ أَلَّا إِنَّهُمْ هُمُ الْكَاذِبُونَ ﴿١٨﴾ اسْتَخَوَذَ

عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلَّا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٩﴾

Bermaksud: (Setelah nyata kepada orang-orang munafik itu bahawa harta benda dan anak pinaknya tidak dapat memberikan pertolongan), ketika mereka semuanya dibangkitkan oleh Allah (pada hari kiamat), maka mereka bersumpah kepadaNya (bahawa mereka adalah orang-orang mukmin) sebagaimana biasanya mereka bersumpah kepada kamu dan mereka menyangka bahawa (dengan berbuat demikian) mereka akan mendapat sesuatu (yang berfaedah kepada mereka). Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya merekalah golongan pendusta. (18) Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak Syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak Syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi. (19). (al-Mujaadilah:18-19). (Hadits riwayat Ahmad, at-Thabaraani dan al-Haakim).

Antara contoh di bawah bab ini yang dikemukakan oleh as-Suyuthi ialah hadits yang diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan al-Haakim daripada Ummi Salamah bahawa beliau berkata, “Wahai Rasulallah! Aku tidak ada mendengar langsung Allah menyebut orang-orang perempuan berhubung dengan hijrah, maka Allah menurunkan firmanNya ini:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْقِىَ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ فَأَلْزَمَ الْكُفْرَ الْكَفْرَ وَأَوْدُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتِلُوا وَقَاتِلُوا لَأَكْفِرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا أَدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَىٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثََّوَابِ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, samada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya) dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil) - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai,

sebagai pahala dari sisi Allah dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal shaleh). (Aali `Imraan:195).

Haakim dan lain-lain mengemukakan juga riwayat daripada Ummi Salamah bahawa beliau berkata, pernah aku bertanya Rasulullah s.a.w. Kataku: “Engkau menyebut (tentang) orang-orang lelaki (sahaja), tidak orang-orang perempuan. Maka diturunkanlah ayat ini:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّالِحِينَ وَالصَّالِحَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah) dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar. (al-Ahzaab:35). Dan ayat di bawah ini juga diturunkan:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنفَىٰ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ ۚ فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِمْ وَأُودُوا فِي سَبِيلِي وَقُتِلُوا وَقَتِلُوا لِأَكْفَرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَآُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَىٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١١٥﴾

Bermaksud: Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan

kamu, samada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya) dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil) - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal shaleh). (Ali 'Imraan:195).

Tirmidzi, Abu Ya'la, Haakim dan lain-lain juga mengemukakan lagi riwayat daripada Ummi Salamah bahawa beliau berkata, “(Kenapa) Orang-orang lelaki sahaja (boleh) berperang, orang-orang perempuan tidak. Dan kami (orang-orang perempuan) hanya mendapat pesaka separuh. Maka Allah menurunkan firmanNya:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِكُمْ عَلَى بَعْضِ لِرِجَالٍ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ

مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (an-Nisaa':32). (Lihat as-Suyuthi - al-Itqaan Fi 'Ulumil Qur'an j.1 m/s 45).

Beberapa Peringatan Berhubung Dengan Sebab Nuzul:

(1) Sesetengah pelajar dan pembaca Tafsir terpedaya apabila melihat para mufasssirin mengemukakan kisah atau peristiwa tertentu di bawah setiap ayat hukum dan jadal. Ia menyangka kisah dan peristiwa yang disebutkan itu memang merupakan sebab sebenar bagi turunnya ayat-ayat berkenaan. Padahal bukan begitu keadaannya. Para Ahli Tafsir

kadang-kadang menyebutkan sesuatu kisah atau peristiwa semata-mata kerana ada sedikit sahaja perkaitan dan kesesuaiannya dengan ayat-ayat tertentu.

Berkata al-Imam as-Shah Waliyyullah ad-Dihliwi r.a.: “Para ‘ulama’ hadits banyak sekali menyebutkan perkara-perkara yang sebenarnya bukan merupakan sebab nuzul bagi ayat-al-Qur’an. Ia tidak lebih daripada (i) Istisyhad (dalil yang dikemukakan) para sahabat dalam perbincangan dan perdebatan mereka. (ii) Contoh yang diberi atau perumpamaan yang dibuat mereka. (iii) Sebagai dalil penguat bagi percakapannya semata-mata. (iv) Meriwayatkan hadits yang bertepatan maksudnya dengan maksud ayat al-Qur’an. (v) Penentuan tempat turun ayat. (vi) Penentuan nama-nama orang yang tersebut di dalam ayat secara samar dan tidak jelas. (vii) Menyatakan cara-cara menyebut perkataan yang tersebut di dalam ayat-ayat al-Qur’an yang tertentu. (viii) Menyatakan kelebihan surah-surah dan ayat-ayat tertentu. (ix) Menyatakan cara-cara bagaimana mengamal dan mempraktikkan perintah Allah di dalam al-Qur’an. Semua itu pada hakikatnya bukanlah merupakan sebab turun ayat-ayat yang sebenar. (Lihat al-Fauzul Kabir m/s 61).

(2) Adakah umum lafaz yang diambil kira atau khusus sebabnya? Pandangan para ‘ulama’ usul berbeza-beza dalam masalah ini. Mereka terbahagi kepada tiga golongan. (i) Golongan jumhur. Mereka berpendapat yang diambil kira ialah umum lafaz. (ii) Yang diambil kira ialah khusus sebabnya. (iii) Perlukan perincian.

Secara ringkasnya dapatlah dikatakan ayat-ayat yang diturunkan berhubung dengan sesuatu peristiwa dan ada sebabnya terbahagi daripada segi umum dan khususnya kepada empat bahagian berikut:

(i) Ayat-ayat yang turun khusus berkenaan dengan orang tertentu. Namanya bahkan disebutkan. Ayat-ayat seperti ini berdasarkan ijma’ ‘ulama’ memang khusus dengan orang berkenaan. Ia tidak melarat kepada orang-orang lain. Contohnya ialah firman Allah ini:

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۝

Bermaksud: Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab dan binasalah dia bersama (al-Masad:1).

Ayat ini sememang turun khusus berkenaan Abu Lahab. Di dalamnya tersebut ancaman yang dahsyat kepadanya. Namanya juga disebut dengan jelas. Oleh itu orang-orang lain tidak termasuk di bawah ayat ini.

(ii) Ayat-ayat yang tersebut di dalamnya ciri-ciri dan sifat-sifat khusus bagi seseorang, satu kumpulan atau perkara tertentu tanpa disebut namanya dengan terang. Bagaimanapun ada tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk yang mengisyaratkan kepada orang, kumpulan atau perkara tertentu, maka ayat-ayat seperti ini juga dikira khusus dengan orang, kumpulan atau perkara berkenaan sahaja menurut ijma' `ulama'. Ia tidak merangkumi orang-orang lain, meskipun mereka juga mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat khusus yang sama dengan orang, kumpulan atau perkara yang sememangnya dimaksudkan. Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

وَسَيُجَنَّبُهَا الْأَتْقَى ﴿١٧﴾ الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّى ﴿١٨﴾

Bermaksud: Dan (sebaliknya) akan dijauhkan neraka itu daripada orang yang paling bertaqwa; (17) yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan harta bendanya, (18) (al-Lail:17-18).

Al-Imam as-Suyuthi berkata, "Dua ayat di atas diturunkan berkenaan dengan Abu Bakar menurut ijma' `ulama'. Imam ar-Raazi bahkan berdalil dengannya, di samping firman Allah s.w.t. berikut:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Bermaksud: Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Al-Hujuraat:13), bahawa Abu Bakar adalah manusia yang paling afdhal selepas Rasulullah s.a.w. Adalah keliru orang yang memakai ayat di atas untuk orang-orang lain juga, meskipun ia mendermakan juga hartanya seperti Abu Bakar dengan tujuan membersihkan diri dan harta bendanya. Ini kerana perkataan yang digunakan di dalam ayat di atas tidak memberi erti umum. Ia menurut qaedahnya hanya memberi erti khusus. (Lihat al-Itqaan Fi `Ulumil Qur'an j.1 m/s 40).

(iii) Ayat-ayat yang sememangnya turun berkenaan dengan suatu peristiwa tertentu, tetapi lafaznya memberi erti umum. Selain itu ada pula dalil lain yang menunjukkan ia memang memberi erti umum, tidak khusus dengan peristiwa yang merupakan sebab asal

turunnya. Berhubung dengan ayat-ayat seperti ini, para 'ulama' berijma' tentang ia melarat kepada selain sebab asalnya. Antara contohnya ialah ayat zhihar yang pada asalnya diturunkan berhubung dengan peristiwa Salamah bin Shakhr. Ayat li'aan yang pada asalnya turun berkenaan dengan Hilal bin Umaiyyah dan lain-lain lagi. Semua ahli ilmu mengatakan, ayat-ayat itu meskipun ada sebab khususnya, namun ia tidak khusus dengan orang-orang yang terlibat dalam peristiwa asal yang merupakan sebab bagi turunnya ayat-ayat berkenaan. Hukum yang tersebut di dalamnya umum untuk semua orang yang mempunyai kriteria yang sama.

(iv) Ayat-ayat yang ada sebab turunnya yang khusus, atau ia turun bersempena dengan peristiwa-peristiwa tertentu, tetapi lafaznya memberi erti umum. Tidak ada pula perkara yang memalingkannya daripada erti umumnya, maka berhubung dengan ayat-ayat seperti ini terdapat perbedaan pendapat di kalangan ahli ilmu. Ada yang mengatakan, yang diambil kira ialah sebabnya yang khusus, bukan lafaznya yang umum. Maksudnya ialah lafaz ayat diikat mereka dengan peristiwa yang menyebabkan ia turun. Adapun perkara-perkara lain seumpamanya, maka hukumnya tidaklah diketahui daripada ayat berkenaan, sebaliknya ia diketahui melalui dalil-dalil yang lain. Jumhur 'ulama' pula mengatakan, yang diambil kira ialah lafaznya yang umum. Hukum yang terdapat di dalamnya umum merangkumi semua orang yang mempunyai kriteria yang sama dengan orang yang terlibat dalam peristiwa asal yang merupakan sebab bagi turunnya ayat berkenaan. Ringkasnya bagi mereka, ayat yang sama juga merupakan sumber hukum untuk orang-orang lain. Hukum untuk mereka tidak perlu dicari dari sumber-sumber yang lain lagi. Kalau ada pun dalil yang lain, maka ia tidak lebih daripada penguat dan penyokong kepada dalil yang sudah sedia ada di dalam al-Qur'an itu.